

Prasarana di masjid, surau mesti mesra wanita

BATU PAHAT 27 Mac - Masjid dan surau sebagai pusat dakwah sewajarnya keluar daripada stigma 'kelab' yang terbatas untuk lelaki tua beragama Islam yang mana imej itu wujud berikutan wajah sesetengah masjid dan surau terlalu bersifat ke-lelakian terutamanya berkaitan kekurangan kemudahan bercirikan mesra wanita.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz (**gambar**) berkata, masih terdapat masjid yang menyediakan kemudahan bilik wuduk terbuka sehingga menyebabkan aurat wanita terdedah.

Jelasnya, untuk mengambil wuduk yang sempurna, wanita perlu dan terpaksa menyelak lengan baju atau kain tudung, justeru penyediaan bilik wuduk terbuka akan menyebabkan pendedahan aurat wanita.

"Antara fenomena memualkan



ialah wanita yang sempurna menutup aurat masih mampu kekal menutup aurat ketika berada di pusat beli-belah, berkelah di pantai atau di taman rekreasi tetapi apabila singgah di masjid untuk solat musafir, terdapat masjid yang tidak mesra wanita.

"Tentulah yang paling kesal dan terhiris hati ialah wanita yang tidak pernah mendedahkan aurat di tempat awam lain, tetapi masjid yang disinggahinya menjadi kenangan pahit sebagai tempat dia mendedahkan auratnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Pengurusan Islam Dalam Pentadbiran Negeri* pada Majlis Multaqa Ulama' dan Ilmuan Darul Ta'zim Ke-2 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini hari ini.

Wan Mohamad berkata, stigma itu juga timbul kerana masih ada pihak pengurusan masjid yang ku-

rang mengamalkan dasar pintu terbuka kepada penganut agama lain.

Jelasnya, masjid bukan hanya tempat sujud atau pusat ibadat bagi orang muslim bahkan mampu menjadi premis yang mempertemukan penganut agama Islam dan bukan Islam berpandukan garis panduan serta adab ditetapkan pihak berkuasa agama.

"Mungkin Jakim bersama rakan strategik seperti Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berpengalaman, boleh membangunkan modul khas untuk pengunjung bukan Islam.

"Bahkan agenda *religious tourism*' yang digerakkan Kementerian Pelancongan Malaysia perlu diberi perhatian berat dan sokongan padu oleh pihak berkuasa agama negeri," katanya.

Beliau turut menyatakan, faktor kekurangan aktiviti dan kemudahan yang dapat dimanfaatkan golongan kanak-kanak dan remaja turut menimbulkan stigma yang tidak tepat itu.